

**PERADUAN ‘TEROKA MALAYSIA BERSAMA PLUS’ TAWAR  
HADIAH BERNILAI RM15,000 SEMPENA SAMBUTAN BULAN  
KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA**

**Petaling Jaya, 26 Ogos 2025:-** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) sedang menganjurkan peraduan “Teroka Malaysia bersama PLUS” yang berlangsung daripada 1 Ogos hingga 16 September 2025 bersempena Bulan Kebangsaan dan sambutan Hari Malaysia.

Peraduan ini memberi peluang kepada pengguna Lebuhraya PLUS untuk bukan sahaja menikmati perjalanan pulang ke kampung atau bercuti bersama keluarga, malah berpeluang memenangi hadiah menarik bernilai lebih RM15,000 termasuk kamera digital, gajet, gimbal kamera dan baucar kredit Touch ‘n Go eWallet.

Dengan tema “Jalan, Check-In & Menangi!”, peraduan ini menggalakkan rakyat Malaysia untuk meneroka keindahan negara dengan mudah melalui fungsi PLUS Passport menerusi aplikasi PLUS yang kini dilengkapi fungsi “check-in” di lokasi terpilih sepanjang Lebuhraya PLUS.

Cara menyertai peraduan:

1. Muat turun dan akses aplikasi PLUS sebelum memulakan perjalanan.
2. Check-in di mana-mana Kawasan Rehat & Rawat (R&R), Hentian Sebelah atau lokasi destinasi yang tersenarai dalam aplikasi PLUS bermula 1 Ogos 2025 hingga 16 September 2025.
3. Rakam video kreatif berdurasi 1 minit yang menceritakan pengalaman perjalanan anda.
4. Muat naik video ke TikTok dengan kapsyen merdeka dan sertakan hashtag rasmi #TerokaMalaysiaBersamaPLUS.

Menurut Ketua Komunikasi Strategik & Pengalaman Pelanggan PLUS, Mohamed Hafidz Mohamed Ismail, peraduan ini merupakan inisiatif PLUS untuk menyemarakkan semangat patriotisme serta menghargai keunikan pelancongan tempatan dan kekeluargaan sempena bulan kemerdekaan.

“Kami mahu menjadikan perjalanan di lebuhraya bukan sekadar transit, tetapi pengalaman yang bermakna. Melalui peraduan ini, pengguna boleh berkongsi detik gembira mereka sambil mempromosikan destinasi menarik di Malaysia. Inilah masanya untuk menggabungkan rasa cinta terhadap tanahair dengan keseronokan bercuti bersama keluarga,” katanya.

PLUS percaya bahawa kerjasama ini akan memberi nilai tambah kepada pengguna lebuhraya serta menyokong usaha Kerajaan dalam mempromosikan pelancongan domestik menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.



## KENYATAAN MEDIA

---

Untuk maklumat lanjut mengenai peraduan “Teroka Malaysia bersama PLUS”, orang ramai boleh layari [www.plus.com.my](http://www.plus.com.my) atau ikuti saluran media sosial rasmi PLUS.

-TAMAT-

### PERTANYAAN MEDIA:

|                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                   |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Mashitah Mohd Arshad</b><br>Pemangku Ketua<br>Komunikasi Korporat<br>PLUS Malaysia Berhad<br>Telefon Bimbit: 013-2097092<br>Emel: <a href="mailto:mashitah@plus.com.my">mashitah@plus.com.my</a> | <b>Rofina Adam</b><br>Pengurus<br>Komunikasi Korporat<br>PLUS Malaysia Berhad<br>Telefon Bimbit: 012-657 4452<br>Emel: <a href="mailto:rofina@plus.com.my">rofina@plus.com.my</a> |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|